



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|-------------|---|------------------------|------------|------|
| AKHBAR | : | UTUSAN MALAYSIA (MEGA) | | |
| TARIKH | : | 6/6/2018 | MUKA SURAT | : 18 |
| JABATAN | : | NAHRIM | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

Nahrim terima anugerah antarabangsa

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar amat berbangga ekoran agensinya, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim) baru-baru ini merangkul Anugerah Hadiah Emas *The European Awards for Best Practices 2018* di Brussels, Belgium.

Ketua Pengarah Nahrim, Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed menerima anugerah tersebut dalam satu majlis di negara berkenaan.

Menurut kenyataan kementerian berkenaan, ia merupakan anugerah tahunan berprestij yang diberikan kepada organisasi, syarikat, perkhidmatan awam dan individu yang menunjukkan komitmen, sokongan dan usaha berterusan yang cemerlang ke arah penambahbaikan pencapaian dalam pengurusan berkualiti dari rantau Eropah, Asia, Amerika, Afrika dan Australia.

"*The European Society for Quality Research (ESQR)* merupakan sebuah organisasi yang beribu pejabat di Lausanne, Switzerland yang terlibat dalam hal-hal pengiktirafan teknik penambahbaikan kualiti, penyelidikan dan pengurusan pentadbiran.

"ESQR memberi galakan dalam peningkatan kualiti dalam aktiviti, pasaran global dan promosi," ujarnya.

Kata kenyataan itu lagi, penganugerahan tersebut bukan sahaja menjadi satu kebanggaan kepada Nahrim tetapi juga kepada kementerian khususnya dan Malaysia secara amnya.

Selain itu, kehadiran ke majlis berprestij tersebut juga merupakan satu platform terbaik bagi Nahrim untuk menjalin hubungan strategik antarabangsa dengan pelbagai pihak dalam bidang industri,



DR. AZUHAN MOHAMED (kiri) menerima Anugerah Hadiah Emas di Brussels, Belgium baru-baru ini.

perniagaan dan akademik pada peringkat global.

Nahrim menawarkan perkhidmatan perundingan dalam bidang kejuruteraan awam dan kejuruteraan struktur yang berkaitan dengan sumber air, sungai, pantai, kualiti air dan alam sekitar serta geohidrologi untuk semua pihak di dalam dan luar negara dengan kos yang amat berpatutan.

Nahrim merupakan perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Nahrim ditubuhkan dan mula operasi dalam bulan September 1995 dan terus bergerak untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang penyelidikan hidraulik dan perkhidmatan sokongan bagi memenuhi keperluan sektor awam dan swasta dalam pembangunan yang berkaitan dengan air.